



SYED Hamid Syed Jaafar Albar (tiga dari kiri) menunjukkan maklumat tentang Pelan Transformasi Industri Teksi di Majlis Program Interaksi Bersama Pengguna dan Industri Teksi - Kajian Kadar Tambang Teksi dan Mohd. Nur Ismail Mohamed Kamal (dua dari kiri) di Kuala Lumpur baru-baru ini.



PERBINCANGAN melibatkan beberapa kumpulan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) adalah antara pengisian program interaksi untuk mendapatkan maklum balas sebelum SPAD mengkaji semula kadar tambang teksi.

Program interaksi sebelum tambang teksi dikaji semula

Oleh NORILA DAUD

SURUHANJAYA Pengangkutan Awam Darat (SPAD) buat julung-julung kalinya mengadakan Program Interaksi Bersama Pengguna dan Industri Teksi - Kajian Kadar Tambang Teksi yang bertujuan untuk melindungi kepentingan orang awam sebelum membuat kajian semula ke atas tambang teksi, sekali gus mempromosi industri teksi yang sihat dan mapan.

Program yang dilancarkan Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Syed Jaafar Albar pada 18 Oktober lalu, dihadiri tiga kumpulan sasaran iaitu para pengguna, operator teksi dan pemandu tekki yang seterusnya menyertai perbincangan mengenai kajian kadar tambang teksi.

Ketua Pegawai Eksekutif SPAD, Mohd. Nur Ismail Mohamed Kamal berkata, program interaksi yang pertama kali diadakan oleh agensi kerajaan bukan sahaja melibatkan pihak berkaitan industri tetapi juga orang awam untuk sama menyumbang dalam merancang peraturan dan sesuatu dasar.

Menurut Mohd. Nur Ismail, semua yang terlibat dalam perbincangan itu menyambut baik tindakan SPAD berinteraksi dengan orang awam sebelum membuat keputusan muktamad.

"Ini adalah permulaan kepada beberapa siri perbincangan lain yang diadakan SPAD dalam usaha mendapat pandangan menerusi penyertaan dan penglibatan semua pihak yang berkepentingan dalam industri teksi negara."

"Pada masa yang sama perbincangan

dengan wakil daripada empat kumpulan sasaran termasuk Orang Kurang Upaya (OKU), industri pelancongan dan hospitaliti, para akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuklah persatuan-persatuan pengguna, serta persatuan belia dan mahasiswa turut diadakan," katanya.

Antara kumpulan pelajar yang menyertai perbincangan itu termasuk dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Mohd. Nur Ismail memberitahu, mesej yang diperoleh daripada perbincangan itu ialah ruang untuk penambahbaikan dalam industri teksi masih luas termasuk mengadakan perkhidmatan lebih baik dan setara dengan industri di peringkat antarabangsa.

"Bagi membolehkan perkhidmatan teksi memenuhi kehendak penumpang, terdapat dua kriteria dalam aspirasi SPAD untuk menetapkan tambang teksi pada kadar yang betul. Kriteria pertama ialah tambang itu perlu memperlihatkan kos operasi sebenar yang terlibat dalam operasi dan pada masa yang sama memberi pulangan adil kepada para pemandu dan operator tekki.

"Kali terakhir kajian semula tambang teksi dilakukan pada tahun 2009. Sejak itu, kos operasi teksi dan sara hidup telah meningkat, justeru itu kajian semula ke atas kos sebenar adalah tepat pada masanya. Kriteria kedua ialah tambang teksi mesti menjadi motivasi untuk mempengaruhi prinsip-prinsip

operasi dan tatatertib pemandu yang betul.

"Prinsip-prinsip ini termasuk kemahan pemandu meneruskan operasi pada waktu puncak dan alasan tidak menggunakan meter apabila mengambil penumpang. Integrasi tekki sedia ada dengan Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (CTSS) turut termasuk dalam struktur tambang yang perlu dianalisis.

"Kedua-dua kriteria ini adalah penting jika mahukan perkhidmatan lebih baik dan pada masa yang sama memastikan industri teksi di Malaysia berkembang dengan sihat dan mapan," ujarnya.

Tambahnya, usaha SPAD berinteraksi dengan orang ramai tidak boleh diketepikan kerana ia memberi ruang kepada industri teksi untuk meraih keuntungan dan kekal mapan dalam jangka masa yang panjang selain memastikan perkhidmatan tekki berada pada tahap profesional, bermutu tinggi serta memberi kebolehpercayaan kepada semua penumpang.

Sementara itu, peserta yang hadir mewakili kumpulan pengguna termasuk Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Koperasi Usahawan Pengguna Islam Malaysia (KUPIM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Perwakilan kumpulan Orang Kurang Upaya pula adalah daripada Majlis Kebangsaan Bagi OKU (MKBOKU),

Koperasi OKU-Pulau Pinang Berhad, Persatuan Pembangunan Orang Buta (PBOB), Persatuan Damai Orang-orang Kurang Upaya, Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia, Persatuan Orang-orang Cacat Anggota Malaysia (POCAM) dan Rumah Cheshire Selangor.

Perbincangan yang melibatkan industri pelancongan dan hospitaliti pula dihadiri Persatuan Pelancongan Dalam Malaysia (MITA), Persatuan Ajen Pelancongan dan Pengembawaan Malaysia (MATTA) Persatuan Hotel-hotel Malaysia (MAH) dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC).

Dalam pada itu, para akademik dalam bidang pengangkutan dan logistik serta profesional yang turut serta dalam perbincangan itu adalah dari Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pusat Penyelidikan Pengangkutan Bandar Mapan, (SUTRA) Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institut Piagam Pengangkutan dan Logistik Malaysia (CILT-M).

Beliau memberitahu, setakat ini, kumpulan perbincangan fokus telah pun diadakan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru dengan wakil setiap kumpulan berkepentingan dijemput untuk terlibat dalam proses mengkaji semula kadar tambang teksi SPAD. Manakala sesi taklimat pula telah dijalankan di Melaka dan Ipoh.

Program interaksi dengan orang awam itu katanya, akan diteruskan dengan kumpulan perbincangan fokus di Kuala Terengganu dan sesi taklimat di Alor Setar, Langkawi, Kota Bharu, Kuantan dan Temerloh. Sementara itu, galeri pameran untuk orang ramai akan ditempatkan di pejabat SPAD peringkat negeri termasuk 35 lokasi yang juga meliputi terminal pengangkutan awam, pusat membeli-belah bagi membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat mengenai proses mengkaji semula, di samping mengemukakan maklum balas yang relevan kepada kajian semula itu.

Orang ramai boleh memuat turun Kertas Interaksi Kajian Kadar Tambang Teksi SPAD dan mengemukakan maklum balas di laman web www.spad.gov.my/tfr2013. Maklum balas juga boleh dikemukakan secara pos atau melalui hotline 1-800-22-7723. Selain itu Facebook dan Twitter SPAD juga boleh digunakan orang ramai untuk menuliskan maklum balas.

